



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**A. SOALAN UMUM MENGENAI PERMOHONAN SYARIKAT**

- 1. Adakah kebenaran beroperasi yang diumumkan YAB Perdana Menteri terpakai kepada syarikat yang permohonannya ditolak sebelum ini atau sedang menunggu keputusan rayuan?**

Ya, semua syarikat yang telah membuat permohonan tidak kira status keputusan boleh memulakan operasi pada 4 Mei 2020, kecuali jika ianya tersenarai di bawah aktiviti yang dilarang yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**B. SOALAN UMUM MENGENAI OPERASI SYARIKAT**

- 2. Bolehkah saya beroperasi tanpa surat kelulusan MITI?**

Ya. Seperti yang diumumkan Perdana Menteri pada 1 Mei 2020, semua syarikat, kecuali di dalam senarai yang dilarang yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), boleh beroperasi bermula 4 Mei 2020. Syarikat-syarikat tidak lagi perlu untuk membuat permohonan kepada MITI.

- 3. Adakah wajib syarikat saya membuat pengisytiharan dan ikrar akujanji pematuhan SOP kepada MITI?**

Pengisytiharan ini bukanlah satu bentuk permohonan baharu dan boleh dilakukan atas dasar sukarela. Ia bertujuan untuk merekodkan maklumat dan komitmen syarikat dalam mematuhi SOP yang ditetapkan. Selepas proses pengisian maklumat dan persetujuan akujanji, syarikat boleh memuat turun surat pengesahan yang boleh dipamerkan di premis masing-masing sebagai tanda syarikat anda memberi komitmen yang penuh untuk patuh kepada SOP yang ditetapkan. Syarikat-syarikat yang telah membuat pengisian maklumat dan bersetuju dengan akujanji pematuhan SOP juga akan disenaraikan secara *online*.

Walaupun tidak wajib, surat yang dipamerkan ini mungkin dapat memberi keyakinan kepada pelanggan yang ingin berurusan dengan syarikat anda.

Pengisian maklumat dan persetujuan akujanji pematuhan SOP ini boleh dilakukan di [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my) bermula 4 Mei sehingga 12 Mei 2020.

#### **4. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan sebelum membuka syarikat/ premis perniagaan saya?**

Syarikat perlu membaca dan memahami Prosidur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi setiap sektor. Amalan-amalan di dalam SOP tersebut perlu dilaksanakan majikan sebelum memulakan operasi.

Tatacara keselamatan kesihatan pekerja seperti penjarakan sosial perlu dipatuhi. Amnya, syarikat/ premis boleh mengikut tatacara seperti di bawah:

- i. Pemakaian *face mask* oleh setiap pekerja di kawasan umum adalah diwajibkan.
- ii. Memastikan garis panduan amalan terbaik social / penjarakan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di:
  - kawasan-kawasan seperti production floor,
  - kafeteria / kantin,
  - bilik mesyuarat,
  - surau,
  - dewan serba guna (multipurpose hall)
  - dan lain-lain yang berkenaan
- iii. Pekerja kantin, pembersihan, tukang kebun dan pengawal keselamatan serta lain-lain yang berkenaan perlu mematuhi tatacara yang disediakan syarikat.
- iv. Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan dua orang pada satu masa.
- v. Operasi kantin / kafeteria dibenarkan dan penyediaan makanan & minuman perlulah secara berbungkus.
- vi. Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian yang ditetapkan syarikat.
- vii. Bagi kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat, ianya perlu menjalani proses pembasmian kuman dan nyah kuman setiap kali sebelum digunakan.

- viii. Penjarakan sosial (secara selang seli) semasa berada dalam kenderaan.
- ix. Kenderaan persendirian digalakkan untuk disanitasi sendiri oleh pekerja mengikut tatacara yang bersesuaian.
- x. Penjarakan sosial juga hendaklah dilaksanakan di kawasan tempat tidur, tandas, bilik mandi, tempat ibadat, ruang makan dan lain-lain.
- xi. Proses pembasmian tempat tinggal perlu dilakukan setiap hari mengikut masa yang ditetapkan majikan.

**5. Apakah yang perlu saya lakukan sebelum membenarkan pekerja-pekerja saya bekerja?**

Syarikat perlu membaca dan memahami Prosidur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi setiap sektor sebelum melaksanakan langkah-langkah di dalam SOP tersebut. Majikan juga perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dan mengikut kesesuaian, bagi memastikan makluman arahan bekerja serta persediaan yang perlu dilakukan diberikan awal kepada pekerja. Untuk sebarang isu berkenaan Sumber Manusia, syarikat boleh merujuk kepada Kementerian Sumber Manusia melalui [projkkp@mohr.gov.my](mailto:projkkp@mohr.gov.my) atau [majahar@mohr.gov.my](mailto:majahar@mohr.gov.my).

**6. Berapakah bilangan pekerja yang dibenarkan bekerja?**

Syarikat boleh beroperasi pada kapasiti tenaga kerja mengikut kebiasaan. Namun, syarikat/ premis harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja. Syarikat wajib mematuhi semua SOP yang ditetapkan sepanjang operasi dijalankan.

**7. Bolehkah saya membuat sistem *rotation* untuk jadual pekerja saya?**

Boleh, terpulang kepada pengurusan syarikat masing-masing. Namun, seperti yang disarankan YAB Perdana Menteri, syarikat digalakkan untuk mempraktikkan polisi bekerja dari rumah mengikut kesesuaian.

**8. Apakah waktu operasi syarikat yang dibenarkan?**

Syarikat boleh beroperasi mengikut waktu operasi seperti di SOP sektor masing-masing.

**9. Adakah syarikat di dalam zon merah dibenarkan beroperasi?**

Syarikat dibenarkan beroperasi di semua kawasan kecuali kawasan yang telah

diisytiharkan sebagai kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**10. Bagaimanakah syarikat boleh melaporkan status pematuhan syarat-syarat beroperasi yang ditetapkan?**

Syarikat boleh melaporkan status pematuhan syarat-syarat kebenaran beroperasi yang ditetapkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melalui <http://survey.dosh.gov.my/laporanhariancovid19>.

**11. Adakah kenderaan pekerja dan kenderaan syarikat dibenarkan melintasi sempadan daerah/zon yang dibenarkan?**

Dibenarkan hanya untuk urusan kerja.

**12. Boleh syarikat membuat pergerakan dengan kenderaan syarikat melepasi sempadan negeri?**

Boleh.

**13. Apakah proses untuk membasmi & menyahkuman premis?**

Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (*common space*) seperti:

- lobi,
- lif,
- kafeteria,
- bilik mesyuarat,
- surau,
- bas/pengangkutan pekerja,
- pusat rekreasi tertutup,
- tandas dan
- tempat pembuangan sampah / tong sampah.

Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula. Syarikat juga hendaklah menyediakan *hand sanitizer/ disinfecting kits* di pintu masuk, semua kawasan umum (*common area*) dan tempat-tempat lain di dalam kilang/premis.

**14. Adakah syarikat perlu menanggung kos nyah kuman (disinfection) premis dan kenderaan syarikat?**

Ya, bagi premis dan kenderaan syarikat (bas/ van kilang).

- 15. Bagaimanakah tatacara keselamatan kesihatan pekerja (seperti penjarakan sosial) perlu dilakukan di tempat kerja sebelum memulakan operasi dan semasa beroperasi?**

Syarikat perlu membaca dan memahami Prosidur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi setiap sektor. Amalan serta tatacara di dalam SOP tersebut perlu dilakukan majikan sebelum memulakan operasi. Rujuk soalan 4 untuk tatacara yang lebih lanjut.

### **C. SUMBER MANUSIA**

- 16. Apakah yang perlu syarikat saya lakukan sekiranya terdapat kes jangkitan Covid-19 di kalangan pekerja?**

Sebaik sahaja syarikat memulakan operasi, syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes disyaki ataupun kes disahkan jangkitan COVID-19. Sekiranya mana-mana pekerja yang disaring sebelum masuk bekerja dan jika didapati demam ataupun mempunyai gejala COVID-19, mereka tidak dibenarkan masuk ke tempat kerja dan perlu dihantar dan dirujuk ke Klinik Panel Syarikat (ataupun ke Klinik Kesihatan Kerajaan jika syarikat tidak mempunyai klinik panel). Mana-mana pekerja, selepas pemeriksaan oleh doktor dan jika disyaki mempunyai gejala jangkitan COVID-19, maka pekerja berkenaan perlu dirujuk ke hospital kerajaan berdekatan. Sebarang arahan dan keperluan untuk tujuan penahanan di wad akan dimaklumkan oleh pihak hospital yang memeriksa, manakala sebarang keperluan arahan kuarantin ataupun sebarang keperluan aktiviti pengesanan kontak di kalangan para pekerja yang lain, hanya akan dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan kepada pihak majikan.

Majikan juga berperanan untuk melaporkan sebarang kejadian ketidakhadiran pekerja melebihi 5% dari jumlah keseluruhan pekerja, pada suatu masa kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.

- 17. Bolehkah syarikat memulakan operasi mereka dengan serta-merta atau adakah semua pekerja syarikat wajib melalui pemeriksaan kesihatan Covid-19 terlebih dahulu?**

Syarikat boleh memulakan operasi pada 4 Mei 2020 tanpa surat kelulusan MITI dan saringan pekerja adalah tidak wajib. Majikan boleh memanfaatkan Program Saringan PERKESO dan maklumat lanjut tentang Program ini boleh didapati melalui pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my>. Program saringan kesihatan bagi COVID-19 ini diberi secara PERCUMA kepada pekerja bagi majikan yang

berdaftar dengan PERKESO. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi PERKESO melalui talian 03-42645555 / 03-80915100 / 1-300-22-8000.

Namun begitu untuk para pekerja asing (bukan warganegara) bagi industri pembinaan adalah diwajibkan untuk menjalani ujian COVID-19 melalui Program Saringan PERKESO, seperti mana dinyatakan dalam SOP Industri Pembinaan. Manakala bagi para pekerja asing (bukan warganegara) bagi lain-lain sektor industri, majikan perlu mengikuti arahan dan pengumuman kerajaan dari semasa ke semasa.

**18. Adakah kos perubatan pekerja yang dijangkiti Covid-19 perlu ditanggung majikan?**

Jika pekerja, sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing yang didaftarkan dijangkiti COVID-19, rawatan perlu dilakukan di Hospital Kerajaan dan kos perubatan akan ditanggung Kerajaan. Bagi individu yang dikesan mempunyai kontak dengan pesakit, individu tersebut perlu menjalani kuarantin di mengikut perintah kuarantin tertakluk kepada ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jika pekerja (yang menjadi kontak rapat akibat bekerja) perlu dikuarantin di tempat lain selain hospital Kerajaan dan rumah sendiri, kos penyediaan pusat kuarantin perlu ditanggung oleh majikan.

**19. Sekiranya pekerja saya yang bukan warganegara mempunyai simptom-simptom Covid-19, bolehkan mereka dirujuk ke Hospital Kerajaan untuk saringan atau rawatan.**

Jika pekerja, sama ada pekerja tempatan atau **pekerja asing** yang didaftarkan, dijangkiti COVID-19, rawatan perlu dilakukan di Hospital Kerajaan dan kos perubatan akan ditanggung Kerajaan, **termasuk warga asing (sekiranya ujian mengesahkan COVID-19)**. Bagi individu yang dikesan mempunyai kontak dengan pesakit, individu tersebut perlu menjalani kuarantin di mengikut perintah kuarantin tertakluk kepada ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jika pekerja (yang menjadi kontak rapat akibat bekerja) perlu dikuarantin di tempat lain selain Hospital Kerajaan dan rumah sendiri, kos penyediaan pusat kuarantin perlu ditanggung oleh majikan. Sebarang kos lain yang berkaitan logistik lain-lain di luar dari fasiliti Hospital Kerajaan atau Klinik Kerajaan, juga adalah ditanggung oleh majikan.

**20. Bolehkah pekerja menolak arahan bekerja daripada syarikat dan apa tindakan yang boleh diambil majikan?**

Syarikat perlu merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan boleh menghubungi JTK melalui alamat e-mel di [projkkp@mohr.gov.my](mailto:projkkp@mohr.gov.my) atau

majahar@mohr.gov.my.

**21. Majikan saya tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Apa perlu saya lakukan?**

Ketidakpatuhan SOP adalah satu kesalahan undang-undang. Aduan mengenai ketidakpatuhan SOP boleh dibuat secara terus kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti berikut:

- i. Aduan mengenai premis perniagaan/peruncitan dipanjangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ii. Aduan mengenai kilang-kilang atau pengusaha sektor pembuatan boleh dipanjangkan kepada MITI di [covid19sec@miti.gov.my](mailto:covid19sec@miti.gov.my).
- iii. Aduan mengenai premis makanan (restoran, medan selera, pusat penjaja dll) dipanjangkan kepada PBT.
- iv. Aduan mengenai penginapan asrama/ CLQ boleh dipanjangkan kepada Jabatan Tenaga Kerja di [jtksm@mohr.gov.my](mailto:jtksm@mohr.gov.my), [jtknsabah@mohr.gov.my](mailto:jtknsabah@mohr.gov.my), [jtknsarawak@mohr.gov.my](mailto:jtknsarawak@mohr.gov.my).
- v. Aduan mengenai tapak bina/premis boleh dipanjangkan kepada Kementerian Kerja Raya di [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my).
- vi. Aduan mengenai syarikat kawalan keselamatan swasta dipanjangkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Bagi sektor-sektor lain, boleh merujuk/ menghubungi Kementerian/agensi berkaitan.

**D. BERKENAAN TATACARA PENGESAHAN SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN**

**22. Apakah jenis borang Sijil Tempasal Berkeutamaan (Preferential Certificate of Origin (PCO)) yang dibenarkan bagi tatacara ini?**

- ASEAN-China (Form E)
- ASEAN-Japan (Form AJ)
- ASEAN-India (Form AI)
- Malaysia-Pakistan (Form MPCEPA)
- Malaysia-New Zealand (Form MNZFTA)
- Malaysia-Chile (Form MCFTA)
- Malaysia-India (Form MICECA)
- Malaysia-Australia (Form MAFTA)
- Malaysia-Turkey (Form MTFTA)
- Generalised System of Preferences (GSP) (Form A)

**23. Bagaimana pula pengesahan ke atas PCO secara elektronik yang di laksanakan oleh MITI baru-baru ini?**

Hanya terpakai kepada skim berikut:

- ASEAN-Korea (Form AK)
- The ASEAN-Australia-New Zealand (Form AANZ)
- ASEAN-Hong Kong (Form AHKFTA)
- Malaysia-Japan (Form MJEPA)

Bagi skim ATIGA (Form D), pengesahan ke atas borang (paper-based) ditangguhkan sehingga Operational Certification Procedure (OCP) baharu ATIGA berkuatkuasa (dijangka pada 1 September 2020). Mohon rujuk perkara 6 untuk pengesahan semasa.

**24. Bilakah tempoh tatacara ini berkuatkuasa?**

Mulai 4 Mei 2020.

**25. Adakah kaunter Menara MITI/Pejabat MITI Wilayah telah dibuka seperti biasa untuk tatacara ini?**

Tidak. Pengesahan PCO masih dilaksanakan secara *back-office* sepanjang tempoh ini.

**26. Adakah PCO Form D ATIGA dibenarkan untuk pengesahan secara manual atau elektronik?**

Tidak. Syarikat hendaklah menggunakan platform e-Form D.

**27. Jadi, bagaimana syarikat hendak membuat pengesahan Form D ATIGA?**

Rujuk gambarajah dibawah.



**ENFORCEMENT OF ATIGA EFORM D USAGE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)**  
 Endorsement of Certificate of Origin for ATIGA Manual Form D will not be available at Menara MITI and its state offices during the MCO.

  
 MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

- 1** Exporter (Manufacturer/Trader) apply ATIGA Form D via ePCO system
- 2** Tick ASW box in the ePCO system before submitting ATIGA Form D
 

ASEAN SINGLE WINDOW (ASW) CONSENT FOR ATIGA

I hereby agree for the data relating to my application as reflected in the ATIGA Form D, to be uploaded onto the ASEAN Single Window and thereafter be exchanged electronically with ready ASEAN Member States. And I hereby confirm that the information given in this application is true, complete and accurate.  
 Note: Application is given with the option whether to accept/ do not accept the consent
- 3** Once approved, data will be electronically transmitted via ASEAN Single Window (ASW) platform to the Importing Customs National Single Window (NSW) system.
- 4** Company will need to provide the e-Form D reference number to the importer for their import declaration during customs clearance.
 

EXAMPLE

1. Goods consigned from (Exporter's business name, address, country)	Reference No. RL-202003-CCF-75620491
2. Goods consigned to (Consignee's name, address, country)	<p>ASEAN TRADE IN GOODS AGREEMENT/            ASEAN INDUSTRIAL COOPERATION SCHEME            CERTIFICATE OF ORIGIN            (Combined Declaration and Certificate)</p> <p>FORM D            MALAYSIA</p> <p>Issued in _____            (Country)</p> <p>(See Overleaf Notes)</p>
- 5** Company is not required to endorse the e-Form D at MITI counter

MIDA, MPCA, MPC, midt, MARI, Ministry of International Trade and Industry, MITI, STANDARDS, BERSEKUTU KL

www.miti.gov.my, MITIMalaysia, MITIMalaysiayoutube

28. Pelabuhan negara pengimport tidak menerima pengesahan e-Form D ATIGA di bawah platform ASW, apa yang perlu syarikat lakukan?

Rujuk senarai pelabuhan di Lampiran A.11 dan A.12.

29. Kastam negara pengimport tidak menerima data transaksi e-Form D ATIGA daripada MITI, apa yang perlu syarikat lakukan?

Emelkan kepada [apbpm@miti.gov.my](mailto:apbpm@miti.gov.my) dan [careline@dagangnet.com](mailto:careline@dagangnet.com) serta salinan kepada [allatiga@miti.gov.my](mailto:allatiga@miti.gov.my). Syarikat juga boleh menghubungi Careline DagangNet di talian 1-300-133-133.

30. Perlukah syarikat menunggu di Menara MITI/Pejabat MITI Wilayah bagi mendapatkan semula PCO yang telah disahkan?

Tidak perlu.

31. Bolehkah syarikat menghantar PCO selain daripada hari dan waktu yang ditetapkan?

Tidak boleh.

32. Bolehkah syarikat mengambil semula PCO pada hari yang sama?

Tidak. Sila rujuk gambar rajah untuk jadual tatacara yang terlibat:

**TATACARA TERKINI PENGESAHAN SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN BAGI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

URUSAN	HARI & WAKTU OPERASI	PENERANGAN PROSES
<p><b>Penghantaran PCO:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Form A</li> <li>• Form E</li> <li>• Form AI</li> <li>• Form AJ</li> <li>• Form MPCEPA</li> <li>• Form MNZFTA</li> <li>• Form MCFTA</li> <li>• Form MICECA</li> <li>• Form MAFTA</li> <li>• Form MTFTA</li> </ul>	<p><b>MITI HQ, Melaka, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak</b></p> <p><b>Isnin, Rabu dan Jumaat</b> 9.00 pagi – 1.00 tengah hari</p> <p><b>MITI Johor dan Kelantan</b> Setiap <b>Ahad, Selasa dan Khamis</b> 9.00 pagi – 1.00 tengah hari</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Syarikat dikehendaki meletakkan PCO yang memerlukan pengesahan di dalam sampul surat;</li> <li>2. Nama, alamat syarikat dan jumlah PCO hendaklah ditulis di hadapan sampul surat;</li> <li>3. Sampul surat yang mengandungi PCO tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam kabinet yang disediakan di Aras 2 Kaunter Menara MITI /MITI Wilayah berdasarkan nama syarikat mengikut abjad; dan</li> <li>4. Hanya PCO yang lengkap sahaja akan diproses.</li> </ol>



MIDA, MITI, MPC, midf, MARI, Malaysia Sdn Bhd, DISPERA, STANDARDS MALAYSIA, INVEST KL

www.miti.gov.my, MITIMalaysia, MITIMalasiayoutube

**TATACARA TERKINI PENGESAHAN SIJIL  
TEMPASAL BERKEUTAMAAN BAGI SYARIKAT  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI


URUSAN	HARI & WAKTU OPERASI	PENERANGAN PROSES
<p><b>Pengendorsan PCO secara <i>back-office</i>.</b></p>	<p><b>Setiap Hari Bekerja</b></p> <p>8.30 pagi hingga 5.30 petang</p>	<p>Pegawai dan kakitangan melaksanakan proses pengendorsan dan tandatangan secara <i>back-office</i> mengikut jadual giliran yang disediakan.</p>
<p><b>Pengambilan PCO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Form A</li> <li>• Form E</li> <li>• Form AI</li> <li>• Form AJ</li> <li>• Form MPCEPA</li> <li>• Form MNZFTA</li> <li>• Form MCFTA</li> <li>• Form MICECA</li> <li>• Form MAFTA</li> <li>• Form MTFTA</li> </ul>	<p><b>MITI HQ, Melaka, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak</b></p> <p>9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari</p> <p><b>Rabu:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Isnin sebelumnya</b></p> <p><b>Jumaat:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Rabu sebelumnya</b></p> <p><b>Isnin:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Jumaat sebelumnya.</b></p> <p><b>MITI Johor dan Kelantan</b></p> <p>9.00 pagi – 1.00 tengah hari</p> <p><b>Selasa:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Ahad sebelumnya</b></p> <p><b>Khamis:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Selasa sebelumnya</b></p> <p><b>Ahad:</b> bagi PCO yang dihantar pada <b>Khamis sebelumnya</b></p>	<p>Syarikat boleh mengambil PCO yang telah disahkan daripada kabinet yang disediakan di Aras 2 Kaunter Menara MITI/MITI Wilayah berdasarkan nama syarikat mengikut abjad.</p>



# TATACARA TERKINI PENGESAHAN SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN BAGI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

URUSAN	HARI & WAKTU OPERASI	PENERANGAN PROSES
<p>Penguatkuasaan ATIGA e-Form D melalui platform ASEAN Single Window (ASW)</p>	<p>N/A</p>	<p><b>ENFORCEMENT OF ATIGA e-FORM D USAGE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)</b> Enforcement of Certificate of Origin for ATIGA Manual Form D will not be available at Menara MITI and its state offices during the MCO.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Exporter (Manufacturer/Trader) apply ATIGA Form D via ePCO system</li> <li>2 Tick ASW box in the ePCO system before submitting ATIGA Form D</li> </ol> <p><b>ASEAN SINGLE WINDOW (ASW) CONSIST FOR ATIGA</b></p> <p>2. The data entered in the ASW system will be available at the ATIGA Form D system and the ASW system. The data entered in the ASW system will be available at the ATIGA Form D system and the ASW system. The data entered in the ASW system will be available at the ATIGA Form D system and the ASW system.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3 Once approved, data will be electronically transmitted via ASEAN Single Window (ASW) platform to the Importing Customs National Single Window (NSW) system.</li> <li>4 Company will need to provide the e-Form D reference number to the importer for their import declaration during customs clearance.</li> </ol>  <ol style="list-style-type: none"> <li>5 Company is not required to endorse the e-Form D at MITI counter</li> </ol>
<p>Pelaksanaan proses pengesahan ke atas PCO secara elektronik (tandatangan dan meterai rasmi) melalui sistem ePCO bagi 4 skim FTA iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Form MJEPA</li> <li>• Form AANZ</li> <li>• Form AHK</li> <li>• Form AK</li> </ul>	<p>N/A</p>	<p>PCO yang diluluskan akan disahkan secara elektronik dan pengeksport <b>tidak perlu hadir ke Kaunter Perkhidmatan MITI</b> untuk membuat pengesahan PCO.</p> <p>Pengeksport hanya perlu mencetak PCO yang telah ditandatangani dan disahkan secara elektronik oleh <b>MITI dari pejabat masing-masing</b>.</p> <p>Pengeksport bertanggungjawab untuk mengemukakan salinan pendua PCO ke Kaunter Perkhidmatan MITI di Menara MITI atau di Pejabat MITI Wilayah <b>setiap bulan</b>.</p>












[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)



 MITIMalaysia
 
 MITIMalasiayoutube

## TATACARA TERKINI PENGESAHAN SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN BAGI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

URUSAN	HARI & WAKTU OPERASI	PENERANGAN PROSES
<p>Khidmat nasihat dan pertanyaan mengenai CA, PCO atau NPCO melalui careline DagangNet dan email kepada pegawai-pegawai MITI.</p>	<p><b>Careline DagangNet:</b> Setiap hari/24 jam</p> <p><b>CA, PCO dan NPCO:</b> Setiap Hari Bekerja 8.30 pagi hingga 5.30 petang</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Khidmat nasihat mengenai pendaftaran sistem ePCO cara penggunaan sistem dan masalah teknikal sistem boleh diajukan kepada: email: <a href="mailto:careline@dagangnet.com">careline@dagangnet.com</a> Careline: 1-300-133-133</li> <li>2. Khidmat nasihat mengenai CA, PCO e-mail: <a href="mailto:pco@miti.gov.my">pco@miti.gov.my</a></li> <li>3. Khidmat nasihat mengenai NPCO e-mail: <a href="mailto:npc@miti.gov.my">npc@miti.gov.my</a></li> <li>4. Masalah teknikal ATIGA e-Form D: e-mail: <a href="mailto:careline@dagangnet.com">careline@dagangnet.com</a> dan <a href="mailto:appbm@miti.gov.my">appbm@miti.gov.my</a> Careline: 1-300-133-133</li> </ol>

Untuk maklumat lanjut, syarikat-syarikat Malaysia boleh emel kepada [pco@miti.gov.my](mailto:pco@miti.gov.my).



### 33. Adakah syarikat dibenarkan untuk membuat penghantaran PCO secara kurier ke MITI/Pejabat MITI Wilayah? Menara

Dibenarkan kecuali Pejabat MITI Melaka. Syarikat perlu melampirkan sampul surat pra bayar bersaiz A4 yang lengkap bersempena dengan alamat sendiri bagi tujuan pemulangan CO.

### 34. Bagaimana pula dengan kurier ke Pejabat MITI Melaka?

Tidak dibenarkan. Hanya permohonan pengesahan PCO secara serahan tangan sahaja dibenarkan.

**35. Saya telah menghantar PCO seperti jadual ditetapkan tetapi mengapa PCO tersebut tidak disahkan?**

Syarikat boleh merujuk kepada catatan yang dilampirkan bersama PCO bagi justifikasi penolakan pengesahan.

**36. Justifikasi yang diberikan kurang jelas. Bolehkah syarikat membuat temujanji bersama pegawai untuk mendapatkan maklumat lanjut?**

Tidak. Syarikat boleh mengemukakan pertanyaan melalui e-mel [pco@miti.gov.my](mailto:pco@miti.gov.my)

**37. Saya turut mempunyai soalan berkenaan Non-Preferential Certificate of Origin (NPCO), bagaimana untuk saya menghubungi pegawai MITI?**

Syarikat boleh mengemukakan pertanyaan melalui e-mel [npc@miti.gov.my](mailto:npc@miti.gov.my)

**38. Saya tidak dapat memuatnaik dokumen pada sistem ePCO semasa permohonan PCO/Cost Analysis (CA).**

Bagi sebarang bantuan teknikal untuk sistem ePCO, syarikat boleh menghubungi Careline DagangNet yang beroperasi 24 jam di talian 1-300-133-133 atau melalui e-mel [careline@dagangnet.com](mailto:careline@dagangnet.com)

**39. Adakah tatacara ini turut akan disambung sekiranya tempoh PKPB atau PKP dilanjutkan oleh Kerajaan?**

Pihak syarikat di mohon untuk sentiasa merujuk kepada kemaskini pemakluman MITI di laman sesawang dan platform media sosial dari masa ke semasa.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
8 MEI 2020**